UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

First Semester Examination
Academic Session 2008/2009

November 2008

# CIT571 – Technopreneurship and Business Development
# *[Pembangunan Tekno-Keusahawanan dan Perniagaan]*

Duration : 2 hours
*[Masa : 2 jam]*

**INSTRUCTION TO CANDIDATE:**

- Please ensure that this examination paper contains **THREE** questions in **FIVE** printed pages before you begin the examination.

  *[Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** soalan di dalam **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.]*

- Answer **ALL** questions.

  *[Jawab **SEMUA** soalan.]*

- You can choose to answer either in English or Bahasa Malaysia.

  *[Anda dibenarkan menjawab soalan sama ada dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.]*

1. (a) (i) What are the ways that a company can ethically obtain information about its competitors?

(10/100)

(ii) For some reasons, one of your team members seems to be losing interests as a technopreneur. For the survival of your ICT-based business venture project, how would you motivate and persuade the member to regain the interest?

(20/100)

(iii) Describe the process of innovation in the context of your own business venture.

(20/100)

(b) (i) Dr. Ali Sanyei has developed a new piece of computer hardware that he believes will be a sure success. He recalled that you are taking a course in technopreneurship, so he posed a question to you through your cell phone. His question was 'Is there a common set of reasons that could cause new products to fail? If there is, I would like to know them before I start pitching my new product to anyone.' What would you tell him?

(20/100)

(ii) Discuss with the help of a diagram how you position your business venture in the context of the five competitive forces that determine industry profitability.

(30/100)

2. (a) (i) In the context of your own business venture, illustrate and explain how your sustainable competitive advantage could be realized throughout the business lifecycle.

(20/100)

(ii) Critically review the actual results of your business venture's competitive analysis.

(30/100)

(b) (i) Ms. Wahidah is an MBA student at a Malaysian university. She has an idea to start an Internet-based company that will help the upper secondary school students to prepare for their public examination in a more innovative manner. Wahidah just talked to a trusted family friend who is a teacher. Wahidah was told that students do not form a good target market for launching a company. The family friend told Wahidah, 'Try to distance yourself from the school atmosphere before you start any company.' Comment and discuss whether Wahidah is getting a good and unbiased advice or otherwise.

(20/100)

(ii) Suppose you were an evaluator of a pre-seed grant application, list and explain the assessment criteria that you personally think are important.

(30/100)

3. (a) (i) Briefly describe the technology plan of your business venture.

(20/100)

(ii) During the growth stage of a business venture, critical changes in the main entrepreneurial strategies are required. List the possible changes in the respective strategies. Explain why those changes must be adopted.

(30/100)

(b) Based on the financial forecast, the financial controller of your team insisted that your business venture could only achieve a break-even point beyond the third year of operations. As the Chief Executive Officer, discuss how you might steer your company to achieve an earlier break-even point.

(20/100)

(c) Each of you is supposedly an active member of an ICT-based business venture team. For the past few months, your team has been trying hard to draft a business plan.

(i) Describe the lessons learned in resolving the major obstacles you have encountered in the course of drafting the business plan.

(15/100)

(ii) How do you plan to overcome the outstanding unresolved challenges so that your team's business venture could secure a pre-seed fund?

(15/100)

1. (a) (i) Apakah cara-cara yang beretika untuk suatu syarikat mendapatkan maklumat tentang pesaingnya?

(10/100)

(ii) Bagi sebab-sebab tertentu, salah seorang ahli kumpulan projek anda nampaknya sudah hilang minat sebagai seorang tekno-usahawan. Untuk meneruskan projek usaha perniagaan berasaskan ICT anda, bagaimanakah anda memotivasikan dan menggalakkan ahli itu supaya dia kembali berminat?

(20/100)

(iii) Huraikan proses inovasi dalam konteks usaha perniagaan anda sendiri.

(20/100)

(b) (i) Dr. Ali Sanyei telah membangunkan satu peralatan komputer baru yang dia percaya akan berjaya. Dia teringat anda sedang mengambil satu kursus dalam tekno-keusahawanan, oleh itu dia telah mengemukakan satu soalan melalui telefon bimbit anda. Soalan dia ialah 'Wujudkah satu set sebab-sebab biasa yang mengakibatkan barang-barang baru tidak berjaya? Jika ada, saya hendak tahu sebab-sebab ini sebelum saya mulai bercakap dengan orang tentang produk baru ini.' Apakah yang anda akan beritahu dia?

(20/100)

(ii) Bincang dengan menggunakan satu gambar rajah yang sesuai bagaimana anda memposisikan usaha perniaagaan anda dalam konteks lima kuasa bersaing *(five competitive forces)* yang boleh menentukan keuntungan industri.

(30/100)

2. (a) (i) Dalam konteks usaha perniagaan anda, ilustrasi dan jelaskan bagaimana kelebihan saingan kebolehtahanan boleh dilaksanakan sepanjang kitar hayat perniagaan.

(20/100)

(ii) Tinjau secara kritikal hasil sebenar analisis persaingan *(competitive analysis)* usaha perniagaan anda.

(30/100)

(b) (i) Cik Wahidah ialah seorang pelajar MBA di sebuah universiti Malaysia. Dia mempunyai satu idea untuk memulakan satu syarikat berasaskan Internet yang membantu pelajar-pelajar sekolah menengah atas bersedia untuk peperiksaan awam mereka dengan cara yang lebih inovatif. Wahidah baru saja berbual dengan seorang kawan keluarga yang boleh dipercayai yang bertugas sebagai seorang guru. Wahidah diberitahu bahawa kumpulan pelajar tidak boleh menjadi pasaran sasaran yang bagus untuk melancarkan sebuah syarikat. Kawan keluarga itu memberitahu Wahidah, 'Cubalah jauhkan diri anda daripada persekitaran sekolah sebelum anda memulakan sebarang syarikat.' Komen dan bincang sama ada Wahidah telah mendapatkan nasihat yang bagus dan adil ataupun tidak.

(20/100)

(ii) Andaikan anda adalah seorang penilai permohonan bantuan *'pre-seed'*, senaraikan dan terangkan kriteria-kriteria penilaian yang anda anggap penting.

(30/100)

3. (a) (i) Huraikan secara ringkas pelan teknologi usaha perniagaan anda.

(20/100)

(ii) Semasa peringkat pertumbuhan suatu usaha perniagaan, penukaran kritikal diperlukan dalam strategi-strategi keusahawanan utama. Senaraikan penukaran-penukaran yang boleh berlaku dalam strategi masing-masing. Terangkan kenapa penukaran itu mesti diambil.

(30/100)

(b) Berdasarkan ramalan kewangan, pengawal kewangan kumpulan anda menegaskan usaha perniagaan anda hanya boleh mencapai titik pulang modal *(break-even point)* selepas tiga tahun operasi. Sebagai Pegawai Eksekutif Utama syarikat anda, bincangkan bagaimana anda akan mengemudikan syarikat anda untuk mencapai titik pulang modal yang lebih awal.

(20/100)

(c) Setiap seorang anda adalah ahli kumpulan usaha perniagaan berdasarkan ICT yang aktif. Sepanjang beberapa bulan yang lalu, kumpulan anda telah bersusah payah menderafkan satu pelan perniagaan.

(i) Huraikan pelajaran yang didapati dalam penyelesaian halangan besar yang anda temui sepanjang penderafan pelan perniagaan itu.

(15/100)

(ii) Bagaimanakah anda merancang untuk mengatasi cabaran-cabaran yang masih belum diselesaikan supaya usaha perniagaan kumpulan anda boleh memperolehi bantuan *'pre-seed*?

(15/100)

- oooOooo -